

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 28 MAC 2017 (SELASA)

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta PERDANA
MENTERI menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk
menyelamatkan Felda.**

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA bermula sebagai sebuah agensi kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan sehinggalah berperanan sebagai penjana ekonomi kawasan luar bandar yang memberi manfaat kepada kira-kira 1.5 juta warganya. Kewujudannya memberi impak besar kepada pembangunan fizikal, sosio-ekonomi dan modal insan. Sememangnya diakui pelbagai bentuk cabaran dan kekangan sejak dari zaman awal penubuhannya, dari pemberian tanah kepada yang tidak bertanah, dari mengusahakan tanaman getah kepada kelapa sawit, proses penanaman semula kelapa sawit sehinggalah tumpuan kepada perkembangan generasi baharu FELDA. Jelaslah, Kerajaan sentiasa komited terhadap FELDA sebagai pelaksana dan penggerak dalam memacu pembangunan khususnya di kawasan luar bandar dan kesejahteraan warganya.

FELDA melakukan aktiviti yang bukan sahaja dalam sektor perladangan, tetapi juga soal pelaburan, pendidikan dan komuniti. Hari ini, perkembangan dalam pelbagai bidang perniagaan yang diceburi FELDA

termasuklah perusahaan, perkhidmatan dan hiliran merupakan usaha berterusan FELDA bagi menjana pendapatan untuk dinikmati oleh peneroka dan generasi selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : **28 MAC 2017 (SELASA)**

SOALAN : **47**

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kedudukan cadangan daripada Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dipindah ke tempat lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, Kementerian ini masih belum menerima sebarang cadangan secara rasmi daripada mana-mana pihak untuk memindahkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) ke tempat lain.